



PEMENANG kategori lelaki bergambar bersama Asraaf (kanan) dan Malik (kiri).

UKM A, UTM juara bola tampar pantai

HE 29.4.2013 12

KOTA KINABALU: UKM A dan UTM muncul juara dalam kategori Lelaki dan Wanita di kejohanan bola tampar pantai terbuka UMS yang berakhir di gelanggang bola tampar pantai UMS pada Ahad.

Juara lelaki terdiri daripada Mohd Azli Zamri dan Mohd Fitri Salim menerima RM1,000 dan tempat kedua dimenangi Pusat Sukan UMS B manakala tempat ketiga dan keempat masing-masing dimenan-

gi Pusat Sukan UMS A dan Labuan.

Goh Ser Mui dan Vrsula Moh Hiong Ching terbukti terlalu kuat untuk pasukan Tawau Water Works pada perlawanan akhir kategori wanita dan mereka membawa pulang hadiah kemenangan RM700 manakala tempat ketiga dan keempat dimenangi Pusat Sukan UMS dan UMS.

Pertandingan tiga hari itu yang menawarkan hadiah keseluruhan

RM10,000 berjaya menarik sejumlah 51 penyertaan dari seluruh Malaysia dengan wakil dari Putrajaya, pasukan Sukma Wilayah Persekutuan, UTM Johor, UKM Selangor, Sarawak, Labuan, DBKL dan lain-lain dari Sabah.

Majlis penutupan dihadiri oleh Pengarah Pusat Sukan UMS Asraaf Fong Abdullah dan Pengarah Pusat Sukan UTM Hj Abdul Malik Abdul Ghani. - **GL Oh**